

Rafizi: Konsesi berat sebelah punca yuran Kuis tinggi

Wartawan Sinar Harian

3 Mei 2012 (<http://www.sinarharian.com.my/nasional/rafizi-konsesi-berat-sebelah-punca-yuran-kuis-tinggi-1.44858>)

SHAH ALAM – PKR mendakwa konsesi sewa asrama yang mahal dan berat sebelah untuk menguntungkan pimpinan Umno didakwa menjadi punca pengurusan Kolej Universiti Islam Selangor (Kuis) tidak dapat menurunkan yuran, apatah lagi menanggung yuran secara percuma.

Pengarah Strategi PKR, Mohd Rafizi Ramli berkata, penyelewengan dan ketamakan pimpinan Umno yang mengambil kesempatan dari dasar memperniagakan pendidikan menjadi punca yuran pengajian tinggi dan membebankan pelajar.

“Pada 2007, sebuah syarikat bernama Redha Resources Sdn Bhd (RRSB) dianugerahkan kontrak untuk membina asrama dan pusat pelajar bagi menampung keperluan 6,000 pelajar Kuis.

“Perjanjian yang ditandatangani oleh Kerajaan Selangor ketika pimpinan Dr Khir Toyo menetapkan bahawa RRSB akan diberikan konsesi membina dan menyewakan kembali kemudahan itu selama 33 tahun kepada Kuis,” katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Rafizi turut mendakwa, RRSB merupakan sebuah syarikat yang dikuasai Adun Permatang, Sulaiman Abdul Razak dan memiliki saham sebanyak 7,200,000 saham bersamaan 51 peratus dalam syarikat berkenaan, sementara isteri beliau, Jamaliah Kamarudin pula memiliki 800,000 saham bersamaan enam peratus pegangan.

Tambah Mohd Rafizi, baki 43 peratus pegangan dimiliki oleh Bina Puri Holdings Bhd iaitu syarikat subkontraktor yang menjalankan sepenuhnya operasi pembinaan dan penyenggaraan asrama.

Beliau berkata demikian sebagai respons terhadap beberapa pihak yang menempelak kerajaan Pakatan Rakyat supaya yuran pengajian dihapuskan di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) milik kerajaan negeri berikutan isu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

“Dr Khir sendiri menjadi saksi pemeteraian perjanjian pinjaman sebanyak RM125.8 juta di antara RRSB dan bank-bank pembiaya pada 3 Ogos 2007 bagi membiayai pembinaan asrama pelajar Kuis ini.

“Kontrak pembinaan ini kemudiannya diberikan kepada Bina Puri Holdings Bhd dengan RRSB hanyalah menjadi orang tengah.

“Dalam Laporan Tahunan 2006, Bina Puri Holdings Bhd melaporkan telah mendapat kontrak berjumlah RM96.1 juta untuk membina asrama dan pusat pelajar, yang dianugerahkan oleh RRSB,” katanya.

Dakwa Mohd Rafizi lagi, dengan kos hanya sebanyak RM96.1 juta, RRSB dianugerahkan konsesi asrama pelajar Kuis selama 33 tahun pada kadar tahunan RM15.4 juta setahun di mana

sepanjang tempoh itu, Sulaiman akan mendapat durian runtuh sebanyak RM508 juta walaupun kesemua urusan hanyalah “atas angin” dan kosnya sekadar berjumlah RM97 juta dengan keuntungan sebanyak 524 peratus.

Sehubungan itu, katanya, anggaran kadar sewa yang dikira berpatutan adalah lebih separuh dari kadar sekarang, iaitu sebanyak RM6 juta setahun.

“Pada prinsipnya, kerajaan Selangor di bawah Pakatan Rakyat tidak wajar menanggung yuran selagi konsesi ini tidak ditamatkan serta-merta kerana jika yuran ditanggung, seolah-olah akan mengayakan lagi pemimpin Umno yang sudah jelas bermewah atas kesengsaraan rakyat.

“Oleh itu, saya mencabar supaya pimpinan Umno mengarahkan beliau (Sulaiman) menarik diri dari konsesi itu dengan sukarela agar kadar sewa asrama lebih adil dan tidak menindas pelajar sebelum pimpinan Umno lain berterusan menuding jari mendesak kerajaan Selangor melaksanakan pendidikan percuma,” katanya.